

# Anjakan paradigma alam sekitar

## Penyelesaian perlu diterjemahkan dari perspektif akidah, falsafah hidup



**Minda  
Lestari**

Bersama

**Prof Dr Zaini Ujang**

E-mel: zaini@utm.my

**T**AUFAN Nargis yang melanda Myanmar pada 3 Mei lalu dipercayai meragut lebih banyak nyawa berbanding angka rasmi diumumkan junta tentera negara itu. Setakat ini, laporan rasmi menyebut jumlah korban 28,458 orang dengan 33,416 lagi hilang. Namun, menurut jurucakap operasi kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Richard Horsey, angka kematian atau kehilangan dijangka melebihi 100,000 orang berdasarkan laporan yang diterima pasukan penyelamat di tempat kejadian.

Sementara itu, puting beliung dan angin ribut melanda Picher di Oklahoma, Amerika Syarikat pada 11 Mei lalu mencatat korban 22 orang. Puting beliung itu juga melanda barat daya Missouri dengan angka korban 14 orang.

Tanpa diduga gempa bumi berukuran 7.5 pada skala Richter menggegarkan Sichuan, wilayah barat daya China. Gempa yang dikuatiri membunuh lebih 12,000 orang dengan lebih 10,000 lagi cedera, turut dirasakan sehingga ke Thailand, Taiwan,

sekitar memerlukan perubahan paradigma membabitkan budaya, cara berfikir, gaya hidup dan komitmen mesra alam lebih transformatif.

Transformasi ini tidak mudah. Kaedahnya juga perlu lebih serius untuk difikirkan semua pihak khususnya cendekiawan, pembuat dasar dan aktivis alam sekitar, tidak sepatutnya diserahkan kepada agensi tertentu saja. Transformasi itu perlu dilaksanakan semua agensi, pada segenap peringkat dan dalam pelbagai lapangan. Itulah rasional cadangan supaya sebuah agensi penyelaras ditubuhkan pada peringkat penggubalan dan pemantauan dasar.

Selain itu, transformasi budaya mesra alam juga memerlukan perubahan dari segi penyuburan minda, jiwa dan cara bertindak baru. Dalam konteks di Barat, sudah semakin berkembang suatu fahaman - atau lebih tepat lagi 'agama' baru - dikenali sebagai 'ekologi kejiwaan' (deep ecology).

Fahaman ini dikembangkan menggunakan pelbagai dapatan saintifik mengenai budaya hidup mesra alam, bermula dari idealisme, falsafah, cara berkerja dan berperanan dalam konteks masyarakat lestari, konsumerisme, penggunaan kenderaan, penyediaan makanan, kaedah meditasi dan sebagainya.

Saya bimbang dengan kesedaran alam sekitar yang kian meluas, fahaman itu akan

berkembang dan menjadi anutan ramai, termasuk orang Islam di Malaysia. Bagi pengamal fahaman ekologi kejiwaan, niat bagi setiap amalan dilakukan untuk mengurangkan tapak ekologi (ecological footprint), berbanding ajaran Islam bahawa semua amalan perlu dimulakan dengan niat kerana ibadah kepada Allah SWT.

(Tapak ekologi ialah kaedah mengukur permintaan sumber alam - air, mineral, kayu, bahan binaan, biojisim dan sebagainya - berbanding keupayaan ekosistem untuk menghasilkan sumber itu semula (regenerasi).

Analisis itu membabitkan anggaran keluasan tanah dan marin yang diperlukan seseorang manusia apabila menggunakan sesuatu produk atau perkhidmatan. Aspek penompakan sisa bagi pelbagai aktiviti penghasilan, pengawetan dan pelupusan juga diambil kira.

Sistem pengiraan berasaskan keluasan tanah menggunakan unit 'hektar global' (gha) yang menunjukkan impak kepada ekosistem. Semakin besar nilai gha maka semakin buruk kesan alam sekitar sesuatu aktiviti).

Kita tidak nafikan kepentingan tapak ekologi perkapita sebagai kaedah sesuai untuk menentukan penggunaan sumber alam dalam usaha mendidik orang ramai lebih prihatin terhadap ekosistem. Dengan itu, kita dapat membandingkan tahap ke-

lestarian seseorang individu atau sesebuah negara.

Sebagai contoh, secara purata, setiap warga dunia mempunyai 1.9 gha per kapita bagi pembangunan lestari. Ketika ini purata tapak ekologi di Amerika Syarikat antara paling tinggi, iaitu 9.5, berbanding Switzerland 4.0 dan China 1.5 gha.

Namun demikian, tapak ekologi hanya suatu kaedah pengukuran, bukan tujuan. Dalam bengkel itu, ramai peserta mengemukakan perspektif Islam betapa fahaman 'mendewakan' alam sekitar bercanggah dengan falsafah dan pandangan hidup Islam.

Menurut ajaran al-Quran, alam adalah sebahagian daripada makhluk ciptaan Yang Maha Pencipta (Al-Furqan: 2; Ar-Rum 26 dan Al-Hasyr: 24). Tugas makhluk termasuk haiwan dan tumbuhan yang melatari alam ini ialah beribadah dan memuji Allah (Al-Haqqah: 1).

Oleh itu, sesiapa saja yang memusnahkan makhluk sama ada flora dan fauna di daratan dan lautan yang juga menjadi tanda kebesaran Yang Maha Pencipta, bermakna mengurangkan ibadah, sanjungan dan pujian kepada Yang Maha Perkasa.

Hal ini dilakukan manusia menerusi pemusnahan ekosistem - sebagai contoh menerusi penebangan hutan, meratakan bukit-bukau serta pembunuhan haiwan secara tidak lestari - dan pencemaran yang merosakkan habitat flora dan fauna. Demikian penjelasan al-Quran menerusi kon-

Vietnam dan Pakistan.

Kita wajib bersyukur kerana Malaysia selamat daripada pelbagai bencana alam yang sejak kebelakangan ini semakin sering melanda, termasuk di beberapa negara jiran. Selain itu, kita juga perlu turut sama menghulur bantuan material dan berdoa agar bencana sedemikian tidak menimpa bukan saja di negara jiran bahkan negara kita.

Bencana di Myanmar itu menjadi satu mauduk dibincangkan pada Bengkel Islam dan Ekologi, anjuran Akademik Sains Islam Malaysia (ASASI) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di UKM pada 10 dan 11 Mei lalu. Bengkel itu bertujuan memberi perspektif baru kepada bidang sains dan pengurusan alam sekitar berdasarkan ajaran dan epistemologi Islam.

Sebagai pembentang ucaptama, saya dijemput membicarakan aspek dasar dan falsafah pengurusan alam sekitar. Antara lain, saya mencadangkan kaedah baru lebih bersepadu, tidak hanya terbatas kepada aspek perundangan, penggunaan teknologi dan pendidikan awam menerusi hebahan media.

Dalam konteks semasa, pengurusan alam



**BENCANA ALAM: Taufan Nargis yang melanda Myanmar mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan yang teruk.**

mikian penjelasan al-Quran menerusi konsep 'kerusakan di muka bumi' (Ar-Rum: 41).

Balasan diterima manusia – sama ada pelaku, pemerhati atau siapa saja penduduk di wilayah itu – dengan tiga cara iaitu: (a) balasan segera di dunia, (b) balasan dilewatkan untuk membolehkan manusia segera bertaubat dan memperbaiki diri dan keadaan, dan (c) balasan pada Hari Pembalasan.

Sesungguhnya, pelbagai kerosakan dan bencana alam yang sering melanda ketika ini – sama ada diterjemahkan dalam bentuk tapak ekologi, fenomena pemanasan bumi, gempa, taufan, krisis makanan, kemelut politik dan sebagai – perlu difahami secara lebih mendalam dan tersirat berdasarkan semangat al-Quran dan gagasan Islam Hadhari.

Penyelesaiannya tidak hanya terhad ber sifat saintifik dan teknologikal, sebaliknya perlu diterjemahkan dari perspektif akidah dan falsafah hidup.

**Prof Datuk Dr Zaini Ujang ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM**